

## 'Empower' ECER pertingkat pendidikan luar bandar

**Kuantan:** Program 'Empower' Wilayah Pembangunan Pantai Timur (ECER) terbukti mampu meningkatkan mutu pendidikan pelajar luar bandar.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, sejak program itu diperkenalkan awal 2011 lalu, pencapaian pelajar dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) meningkat 100 peratus.

Katanya, kerjasama dan komitmen berterusan antara Majlis Pembangunan ECER (ECERDC) serta sokongan daripada agensi kerajaan, institusi pengajian

tinggi (IPT) dan ibu bapa dilihat antara faktor yang boleh mendorong kejayaan lebih cemerlang dalam kalangan pelajar.

### Kesungguhan hasil keputusan cemerlang

"Kesungguhan ditunjukkan pelbagai pihak ini bukan saja boleh menghasilkan keputusan cemerlang untuk pelajar saja, tapi boleh membuka ruang kepada pelajar mendapat peluang lebih baik dalam meningkatkan pengetahuan mereka.

"Melalui program ini, pelajar luar bandar menikmati peluang mengikuti kelas tambahan, seminar akademik dan pihak ECERDC



Adnan (tengah) menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman antara UMP yang diwakili Daing Nasir (kanan) dengan Jebasingam Issace di Dewan Astaka UMP Gambang. [FOTO SYAZWAN MSAR/BH]

menyediakan alat bantu mengajar kepada sekolah luar bandar bagi memudahkan proses pembelajaran dilaksanakan dengan sistematik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menyampaikannya sijil penghargaan kepada 107 pelajar cemerlang di Dewan

Astaka Universiti Malaysia Pahang (UMP) Gambang, dekat sini, semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC, Datuk Jebasingam Issace John; Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim dan Pengarah Pendidikan negeri, Rosdi Ismail, hadir sama.